



**KENYATAAN UMUM**  
**KEMUDAHAN AKTIVITI PERLESENAN DAN**  
**PENGUATKUASAAN LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM**  
**SEPANJANG TEMPOH FASA PERTAMA KAWALAN**  
**PERGERAKAN DI BAWAH PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN)**

---

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) terus komited untuk memberikan beberapa kemudahan berkaitan aktiviti perlesenan dan penguatkuasaan bagi memfasilitasikan pemegang lesen khususnya pihak industri yang berada dalam kategori perkhidmatan perlu (*essential services*) dan yang terjejas sepanjang tempoh Fasa Pertama Kawalan Pergerakan di bawah Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang dikuatkuasakan di seluruh negara.

Kemudahan yang disediakan adalah seperti berikut:

- a) Membenarkan penggunaan meter tinjau (*survey meter*) yang telah tamat tempoh sah tentukuran pada bulan Mei, Jun, Julai, Ogos dan September 2021 untuk terus digunakan sepanjang tempoh Fasa Pertama Kawalan Pergerakan di bawah PPN. Kebenaran ini turut dilanjutkan sehingga 31 Oktober 2021 bagi membolehkan pemegang lesen mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menyediakan meter tinjau yang sah tentukuran;

- b) Membenarkan penggunaan peralatan sinaran yang telah tamat tempoh sah senggaraan pada bulan Mei, Jun, Julai, Ogos dan September 2021 untuk terus digunakan sepanjang tempoh Fasa Pertama Kawalan Pergerakan di bawah PPN. Kebenaran ini turut dilanjutkan sehingga 31 Oktober 2021 bagi membolehkan pemegang lesen mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menyediakan peralatan sinaran yang sah selenggaraan;
- c) Membenarkan penggunaan peralatan sinaran yang telah tamat tempoh sah sijil ujian kebocoran pada bulan Mei, Jun, Julai, Ogos dan September 2021 untuk terus digunakan sepanjang tempoh Fasa Pertama Kawalan Pergerakan di bawah PPN. Kebenaran ini turut dilanjutkan sehingga 31 Oktober 2021 bagi membolehkan pemegang lesen mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menyediakan peralatan sinaran yang mempunyai sijil ujian kebocoran yang sah;
- d) Membenarkan penggunaan alat pemantauan kakitangan dan alat pemantauan tempat kerja yang dipasang pada peralatan sinaran yang digunakan pada bulan Mei, Jun, Julai, Ogos dan September 2021 untuk terus digunakan sehingga 31 Oktober 2021;
- e) Mempertimbangkan pengiktirafan semula untuk tempoh selama empat (4) bulan bagi Pegawai Perlindungan Sinaran (PPS) / Penyelia (PY) / Pengendali Perunding (PP) / Pengendali Perunding Bebas (PPB) yang telah tamat tempoh sah pengiktirafan dalam tempoh Fasa Pertama Kawalan Pergerakan di bawah PPN walaupun mata Program Pendidikan Berterusan (CEP) tidak

mencukupi dan kelonggaran diberi bagi pengiktirafan PPS/ PY yang tamat tempoh sehingga 31 Oktober 2021;

- f) Mempertimbangkan pengiktirafan semula untuk PPS Kategori 2 Industri (I2) / PY I2 / Pengendali/ Pengendali Pelatih (Radiografi Industri) yang telah tamat tempoh sah laku bagi Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Ujian Tanpa Musnah (*Non-Destructive Testing, NDT*) Tahap 1, Tahap 2 dan Tahap 3 sepertimana syarat yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK);
- g) Membenarkan mana-mana PPS/ PY yang telah diberikan pengiktirafan semula dengan kelonggaran pemeriksaan perubatan yang melebihi tiga (3) tahun sebelum 31 Oktober 2021, hendaklah melakukan pemeriksaan perubatan selepas tamat tempoh Fasa Pertama Kawalan Pergerakan di bawah PPN yang dinyatakan di atas;
- h) Memberikan kelonggaran kepada syarat pembaharuan lesen berkaitan tentukuran meter tinjau di mana boleh dipertimbangkan pembaharuan lesen bagi meter tinjau yang tamat tentukuran sehingga 31 Oktober 2021;
- i) Menggalakkan setiap pusat latihan menjalankan Kursus Kesedaran Perlindungan Sinaran (*Radiation Safety Awareness Program*) secara atas talian berdasarkan kepada silibus kursus yang telah diiktiraf oleh AELB, selaras dengan saranan Kerajaan mengenai pelaksanaan amalan penjarakan sosial.

- j) Menangguhkan pelaksanaan pemeriksaan perubatan pekerja sinaran oleh pengamal perubatan yang berdaftar dengan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan sebagai Doktor Kesihatan Pekerjaan (OHD) sehingga 31 Oktober 2021 bagi pengamal perubatan yang diluluskan selaras sebahagian daripada perkara 6(ii) dalam Notis Pemberitahuan, NP Bil. 5/2020 yang dikeluarkan pada 19 Ogos 2020 [Pemakaian Borang Rekod Perubatan (LPTA/BM/5) Seksyen A Sem.1 dan Keperluan Pengamal Perubatan Berdaftar yang Diluluskan Untuk Berdaftar Dengan Majlis Perubatan Malaysia (MMC) dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)] sehingga tamat tempoh Fasa Pertama Kawalan Pergerakan di bawah PPN.

Kemudahan di atas hanya diberikan kepada pemegang lesen khususnya pihak industri yang berada dalam kategori perkhidmatan perlu (*essential services*) yang benar-benar terjejas semasa Fasa Pertama Kawalan Pergerakan di bawah PPN ini dikuatkuasakan. Pihak yang berkenaan ini perlu terlebih dahulu mengemukakan permohonan rasmi dengan justifikasi dan bukti yang kukuh untuk menunjukkan segala usaha telah diambil bagi tujuan pertimbangan dan kelulusan AELB selanjutnya.

AELB berharap agar kemudahan yang disediakan ini dapat meringankan beban dan membantu pihak yang berkenaan dalam operasi harian yang berkaitan dengan aktiviti tenaga atom di sepanjang tempoh Fasa Pertama Kawalan Pergerakan di bawah PPN ini dikuatkuasakan. Sila ambil perhatian bahawa setiap pemegang lesen adalah masih tertakluk kepada peruntukan undang-undang yang termaktub di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) serta peraturan-peraturan subsidiari yang dibuat di bawahnya sepanjang masa.

Sekian, terima kasih

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**  
**LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM**  
Dikemaskini 21 September 2021